

**HALANGAN PELAKSANAAN SOLAT FARDHU DALAM
KALANGAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)
PENGLIHATAN DI PERSATUAN ORANG-ORANG CACAT
PENGLIHATAN ISLAM MALAYSIA (PERTIS) WILAYAH
TERENGGANU**

Nurul Asmak Liana Binti Bakar

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor
(asmakliana@gmail.com)

Hamdi bin Ishak

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor
(hamdi@ukm.edu.my)

Tengku Intan Zarina Binti Tengku Puji

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor
(tiztp@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Solat merupakan tuntutan ibadah yang menjadi kewajipan bagi setiap Muslim yang *mukallaf* termasuk Orang Kurang Upaya (OKU). Ibadah ini menjadi tonggak kepada seluruh ibadah lain serta memainkan peranan penting dalam kehidupan manusia sebagai perisai dari perbuatan keji dan mungkar. Kajian tentang pengamalan solat fardhu telah banyak dijalankan oleh para penyelidik yang menunjukkan fenomena pengabaian solat masih berlaku dalam masyarakat termasuk golongan OKU. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti halangan-halangan yang dihadapi dalam kalangan OKU penglihatan di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Wilayah Terengganu dalam memenuhi tuntutan ibadah solat. Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian dan seramai 62 orang responden yang telah terlibat dalam kajian ini. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa halangan yang dihadapi oleh golongan OKU penglihatan dalam pelaksanaan ibadah solat berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.19. Halangan yang paling tinggi yang dihadapi oleh golongan ini ialah kurangnya prasarana mesra OKU yang disediakan. Justeru itu, semua pihak yang berkenaan perlu lebih peka dan cakna berkaitan isu cabaran bagi OKU penglihatan dalam perlaksanaan solat ini agar tidak berlaku pengabaian solat dalam kalangan mereka.

Kata kunci: Solat, OKU Penglihatan, Halangan, Prasarana, Akses Maklumat, Sokongan.

THE PRACTICE BARRIER IN PRAYERS AMONG THE VISUALLY IMPAIRED PEOPLE IN THE ASSOCIATION OF VISUALLY IMPAIRED MUSLIMS MALAYSIA (PERTIS) TERENGGANU

ABSTRACT

Prayers are a duty of worship for every Muslim who is mukallaf including Persons with Disabilities (OKU). This worship is a cornerstone of all other worships and plays an important role in human life as a shield from an abusive and unjust act. Studies on the practice of fardhu prayers have been carried out by researchers who demonstrate the phenomenon of neglected prayers still occurring in communities including disabled people community. Hence, this study aims to identify the obstacles faced by blind people in the Vision of Persons with Disabilities in Malaysia (PERTIS) of Terengganu Region in fulfilling the demands of prayer. This study used questionnaire as a research instrument and 62 respondents were involved in this study. The findings show that the obstacles faced by disabled Muslims in the practice of prayer are at a high level with a mean value of 4.19. The most challenging obstacles faced by this group are the lack of disabled-friendly infrastructure provided. Hence, all parties should be more sensitive and aware of the challenge issues faced by the blind Muslims in practicing the prayer.

Keywords: Prayers, Visually Impaired, Obstacles, Infrastructure, Information Access, Support.

PENGENALAN

Solat merupakan rukun kedua daripada Rukun Islam selepas mengucap dua kalimah syahadah yang telah disyariatkan oleh Allah kepada setiap insan yang bergelar Muslim berdasarkan kepada nas-nas daripada al-Qur'an dan Hadis. Firman Allah (Surah al-Nisa' 4:103):

"Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya".

Pensyariatan solat merupakan suatu perkara yang paling agung dan merupakan syiar Islam yang paling istimewa kerana solat difardhukan tanpa perantaraan wahyu melalui malaikat Jibril kepada Rasulullah s.a.w sebagaimana Allah mewajibkan umat Islam melaksanakan kewajipan lain selain dari solat. Rasulullah s.a.w telah berhadapan dengan Allah secara langsung untuk menerima kewajipan solat iaitu pada peristiwa Israk dan Mikraj (Mohammad

Subki 2014 & Arifin Mamat 2012). Solat juga merupakan identiti diri seseorang individu Islam kerana ianya membezakan antara Muslim dan bukan Muslim. Melaksanakan ibadah solat menunjukkan penyataan rasa syukur seorang hamba kepada Allah s.w.t dengan kurniaan nikmatNya yang tidak terhitung kepada hamba-hambaNya (Miftah Faridi 2014).

Pengabaian terhadap solat boleh membawa kepada implikasi yang amat buruk dalam kehidupan manusia seperti kemaksiatan semakin berleluasa, jenayah makin meningkat dan keselamatan semakin tergugat. Ini kerana solat merupakan salah satu tiang agama. Sekiranya seseorang itu melaksanakan solat maka tertegaklah agamanya, dan sekiranya seseorang itu mengabaikan solat maka runtuhlah agamanya (Shukeri Mohamad et al. t.t). Tanpa agama maka akan berlakulah kepincangan dan permasalahan dalam kehidupan manusia dan akhirnya manusia hidup dalam keadaan yang tidak aman dan sejahtera. Ini merupakan hubung kait antara solat dan kehidupan.

KEDUDUKAN SOLAT BAGI GOLONGAN OKU PENGLIHATAN

Penglihatan merupakan pancaindera penting yang menjadi saluran sumber maklumat kepada manusia. Manusia perlu bergantung kepada penglihatan dalam setiap masa bagi menguruskan aktiviti dalam kehidupan sehari-hari kita termasuklah bagi memenuhi tuntutan agama. Penglihatan juga merupakan agen penting dalam proses perkembangan pendidikan manusia kerana manusia banyak bergantung kepada penglihatan untuk mempelajari sesuatu dalam kehidupan dengan kadar 80 peratus (Ab Aziz Mohd Zin et al. 2009).

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia telah mendefinisikan golongan OKU penglihatan adalah golongan yang tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad pada kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantuan penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. Golongan OKU penglihatan boleh dibahagikan kepada dua iaitu OKU penglihatan terhad (dapat melihat tetapi memerlukan kepada alat bantuan penglihatan) dan buta (tidak dapat melihat langsung). Kekurangan ini berpunca daripada keturunan, kemalangan, komplikasi semasa hamil, penyakit dan sebagainya. Menurut statistik yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Malaysia, golongan OKU penglihatan yang berdaftar lebih kurang 14,154 orang dan ianya semakin meningkat dari tahun ke tahun (<http://www.jkm.gov.my/>).

Menurut Norshidah (2013), terdapat pelbagai istilah yang digunakan bagi menggambarkan individu atau kelompok yang mempunyai kecacatan penglihatan seperti buta, buta dari segi perundangan, OKU penglihatan, masalah penglihatan dan lain-lain lagi. Manakala menurut *World Health Organization* (WHO), istilah buta merujuk kepada ketidakmampuan untuk melihat

disebabkan oleh gangguan pada kornea, kanta, gelemaca, retina dan saraf optik. Namun tiada istilah yang khusus yang digunakan oleh ulama' fiqh berkenaan golongan ini. Para ulama' menggunakan perkataan buta bagi menunjukkan keadaan seseorang yang tidak mampu melihat, sama ada buta sejak lahir atau disebabkan oleh faktor-faktor lain (Azman Ab Rahman et al. 2015).

Ibadah solat menjadi satu kewajipan yang wajib dilaksanakan oleh setiap Muslim tanpa mengira fizikal seseorang itu sempurna ataupun tidak, sakit ataupun sihat, kaya atau miskin dan sebagainya. Kewajipan solat tidak akan gugur daripada seseorang walau dalam apa-apa jua keadaan, selagi mana akalnya masih waras. Bukan semua manusia yang dilahirkan di atas muka bumi ini sempurna, tetapi terdapat hamba-hamba Allah yang diuji dengan kesihatan dan fizikal yang tidak normal seperti OKU penglihatan.

Golongan OKU penglihatan turut termasuk dalam kalangan orang-orang yang ditaklifkan untuk memenuhi tuntutan agama seperti solat, bahkan ianya tiada perbezaan daripada manusia normal yang lain. Selain itu, golongan ini diberikan *rukhsah* bagi memudahkan mereka melaksanakan tuntutan solat ini mengikut kadar kemampuan mereka. Walaupun terdapat kesukaran kepada mereka dalam memenuhi tuntutan ini, tetapi rukun Islam yang kedua ini tetap perlu dilaksanakan bagi melengkapkan dirinya sebagai seorang Muslim sejati dan seterusnya mendapat hikmah pensyariatannya sebagaimana manusia normal yang lain. Ini dapat dibuktikan berdasarkan dalil al-Quran yang bermaksud (Surah al-Imran 3:191):

“(Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): “Wahai Tuhan kami! tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.”

Ini menunjukkan solat perlu dilaksanakan walau dalam apa jua keadaan, walaupun terdapat kekurangan pada seseorang *mukallaf* tersebut. Kecacatan bukan menjadi satu alasan atau sebab untuk mereka meninggalkan perintah Allah ini. Bahkan Islam turut meraikan golongan ini dengan mengurangkan kesukaran mereka dalam melaksanakan ibadah ini dengan membenarkan mereka menunaikannya mengikut kadar kemampuan tanpa membebankan mereka (Azman Ab Rahman et al. 2015).

HALANGAN GOLONGAN OKU PENGLIHATAN

Solat merupakan amalan yang sangat penting dalam agama kerana ia merupakan amalan yang menjadi penghubung terus antara hamba dan Pencipta. Ibadah solat yang telah disyariatkan oleh Allah ini berbeza dengan ibadah-ibadah lain dan iaanya mengandungi keistimewaan berbanding ibadah lain. Solat merupakan ibadah harian yang dilaksanakan lima kali sehari semalam yang menjadikan ia sebagai titik tumpuan agama, berbeza dengan ibadah lain seperti puasa yang merupakan ibadah tahunan dan haji hanya dilaksanakan sekali seumur hidup (Abdul Hazam Mansur et al. 2014). Bahkan Rasulullah menggalakkan agar umatnya melakukan solat-solat sunat sebagai amalan tambahan selain melaksanakan solat yang difardhukan. Solat merupakan syariat teragung yang mempunyai manfaat dalam memberikan kebaikan di dunia mahupun di akhirat.

Namun, tidak semua yang dilahirkan di atas muka bumi ini dengan keadaan yang sempurna. Terdapat golongan minoriti yang dilahirkan dalam keadaan kelainan upaya secara semula jadi atau disebabkan oleh kemalangan seperti golongan cacat penglihatan. Menjadi satu kesusahan dan cabaran bagi golongan ini dalam memenuhi tuntutan solat yang telah disyariatkan oleh Allah ini kepada mereka berbeza dengan golongan normal yang lain. Justeru itu, kajian ini ingin menilai apakah cabaran dan halangan yang dihadapi oleh golongan cacat penglihatan dalam melaksanakan ibadah solat.

Pengkaji hanya menjumpai kajian-kajian lepas yang berkaitan cabaran bagi OKU secara umum dan pengkaji tidak menjumpai kajian yang khusus tentang cabaran atau halangan yang khusus berkaitan ibadah solat. Pengkaji menggunakan kajian-kajian tersebut sebagai rujukan dan panduan dalam mendapatkan maklumat berkaitan cabaran yang dihadapi OKU.

Menurut Siti Fatimah (2013) dalam artikel yang bertajuk Orang Kurang Upaya (OKU) dari Perspektif Islam. Penulis artikel ini membincangkan tentang kedudukan orang-orang kurang upaya menurut pandangan Islam dan layanan pandangan masyarakat pada hari ini terhadap golongan ini. Menurut penulis, golongan OKU ini mempunyai hak yang sama bahkan lebih lagi daripada golongan normal agar kebijakan mereka terpelihara. Artikel ini mendatangkan beberapa persoalan-persoalan yang berkaitan tentang penyediaan kemudahan dan inisiatif yang boleh membantu golongan OKU cacat penglihatan ini dalam menunaikan tuntutan ibadah solat mereka. Persoalan-persoalan yang ditimbulkan dalam artikel ini menjadi salah satu saranan bagi pengkaji untuk menjalankan kajian ini bagi menjawab persoalan-persoalan tersebut.

Halangan Kemudahan dan Fasiliti

Terdapat kajian-kajian yang berkaitan halangan dan cabaran yang perlu dihadapi oleh golongan OKU dalam memenuhi tuntutan agama. Antara halangan yang paling besar adalah dari segi kemudahan fasiliti untuk golongan

OKU. Mustaffa Abdullah (2010) dalam kajian tentang Pengajian al-Quran dalam kalangan warga cacat penglihatan di Malaysia menyatakan masjid memainkan peranan penting dalam menyediakan ruang dan peluang bagi golongan cacat penglihatan untuk menimba ilmu selari dengan fungsi asalnya sebagaimana ia berperanan pada zaman Rasulullah s.a.w. Namun begitu, kebanyakan masjid yang dibina tidak ‘Mesra OKU’ dan ini dapat dibuktikan berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji pada masa kini. Menurut Abdul Munir Ismail (2012) dalam kajiannya mendapati bahawa masjid-masjid masih tidak ‘Mesra OKU’ kerana tidak terdapat kemudahan dan fasiliti khas yang boleh diakses oleh golongan OKU. Beliau juga mencadangkan agar pihak bertanggungjawab bagi menyediakan kemudahan bagi OKU di masjid kerana golongan ini juga berhak mendapatkan kemudahan yang selesa sebagai tempat beribadah dan aktiviti sosial (Abdul Munir Ismail 2015). Ianya disokong dengan kenyataan akhbar oleh Mohd Shah Che Ahmad (2013) tentang kekurangan fasiliti dan kemudahan bagi golongan OKU cacat penglihatan di masjid-masjid serta tidak mesra OKU.

Pihak berwajib perlu mengambil cakna isu-isu yang berkaitan fasiliti OKU ini dan perlu memainkan peranan bagi memudahkan mereka seterusnya dapat melahirkan golongan OKU yang boleh berdikari. Menurut kajian Mohd Salleh Aman (2006) dan Shalini a/p Sanmargaraja dan Seow Ta Wee (2014) telah menyatakan bahawa golongan ini amat memerlukan kemudahan-kemudahan ini untuk tujuan orientasi persekitaran contohnya laluan *Braille Paver* bagi OKU cacat penglihatan. Kajian ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Hasnah Toran (2009) tentang sokongan dan halangan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar OKU di sebuah institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mendapati bahawa prasarana yang disediakan tidak dapat membantu golongan cacat penglihatan dalam melaksanakan aktiviti harian seperti ketiadaan laluan bertanda bagi golongan ini.

Selain itu, menurut Hasnah Toran (2009) kemudahan sistem pengangkutan juga menjadi salah satu faktor yang menghalang golongan ini dalam memenuhi tuntutan harian mereka terutamanya golongan cacat penglihatan. Tiada pengangkutan khas yang disediakan bagi membolehkan mereka melaksanakan aktiviti harian termasuklah memenuhi tuntutan ibadah yang telah ditaklifkan kepada mereka. Pengangkutan khas perlu disediakan bagi membantu mereka dalam melaksanakan ibadah solat seperti golongan normal yang lain, terutamanya untuk membawa mereka ke masjid atau surau supaya mereka memperoleh manfaat yang sama. Kegagalan mendapatkan pengangkutan khas yang boleh mempermudahkan urusan mereka bergerak, menyebabkan golongan ini semakin jauh dan tersisih untuk berada bersama dengan masyarakat di luar sana.

Penyediaan fasiliti yang Mesra OKU mampu menarik golongan ini untuk bersama golongan normal yang lain dalam melaksanakan ibadah solat secara berjemaah di Masjid atau surau. Secara langsung dapat mendekatkan mereka dengan aktiviti kemasyarakatan dan program yang dianjurkan oleh masyarakat setempat. Penyertaan dan penglibatan mereka dalam aktiviti atau program ini menyebabkan mereka tidak akan merasa tersisih dan dipinggirkan lagi dalam masyarakat. Bahkan ianya mampu menggalakkan dan menarik lagi golongan OKU khususnya golongan cacat penglihatan yang lain untuk bersama-sama dalam menuaikan tuntutan ibadah yang difardhukan ke atas mereka ini. Justeru itu, pihak berkenaan perlu mengambil tindakan sewajarnya dalam mengatasi masalah atau cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dalam melaksanakan ibadah solat. Semua pihak yang terlibat perlu memainkan peranan dalam menyelesaikan isu ini bagi mengelakkan golongan cacat penglihatan ini semakin jauh dan tersisih.

Halangan Mengakses Maklumat

Sebagai seorang manusia, kita tidak lari daripada mendapatkan sesuatu maklumat terkini berkaitan sesuatu isu atau mempelajari ilmu yang terbaru yang boleh menambah pengetahuan seseorang bagi memperbaiki diri dalam menjalani kehidupan semasa. Maklumat-maklumat ini diperolehi sama ada daripada buku, institusi pendidikan, laman sesawang dan sebagainya. Namun begitu, ianya amat tersekat bagi golongan OKU terutamanya golongan cacat penglihatan dalam mengakses maklumat sebagaimana golongan normal yang lain. Mereka hanya bergantung sepenuhnya kepada pendengaran dan deria sentuh dalam menjalani kehidupan mereka. Jika salah maklumat yang diterima oleh pendengaran mereka, maka salahlah pengamalan dalam kehidupan mereka sekiranya tiada yang membetulkannya.

Golongan cacat penglihatan memerlukan bahan bacaan yang berbentuk Braille iaitu sejenis penulisan atau sel titik timbul yang dibaca melalui sentuhan dalam membantu individu yang mempunyai masalah penglihatan untuk membaca (Mahyuddin Hashim et al. 2013). Salah satu produk yang telah dihasilkan dengan menggunakan kod Braille ini ialah al-Quran Braille. Namun, usaha mentranskripsi bahan dan sumber rujukan khususnya berkaitan ibadah atau pengajian Islam masih tidak banyak yang dilakukan. Ini menjadi salah satu cabaran bagi golongan ini dalam mendapatkan maklumat atau ilmu-ilmu yang berkaitan tuntutan ibadah secara mendalam. Selain itu, secara tidak langsung tidak memberi peluang dan ruang bagi golongan OKU cacat penglihatan ini dalam mempraktikkan konsep indahnya beragama secara teori dan amalinya.

Kenyataan ini dapat dibuktikan oleh kajian yang telah dilakukan oleh Mahyuddin Hashim et al. (2013) yang mana kekangan bahan rujukan berbentuk Braille menjadi antara faktor utama yang menghalang golongan bermasalah

penglihatan dalam meningkatkan potensi diri mereka dan mendapatkan maklumat berkaitan sesuatu ilmu. Ianya dikuatkan lagi dengan kajian Norakhyairee & Ab. Halim (2011) dan Mohd Nur Adzam Rasdi (2012) yang menyarankan agar memperkayakan lagi penghasilan bahan rujukan Islami yang ditranskripsi ke dalam bentuk Braille bagi menambah ilmu dalam kalangan OKU cacat penglihatan. Selain itu, mereka juga mencadangkan agar pihak berwajib khususnya Jabatan Agama Islam di setiap negeri perlu menyediakan dana bagi membaiki prasarana supaya lebih mesra OKU serta untuk penyelidikan dan penghasilan produk baru dalam membantu golongan ini lebih memahami dan mendapatkan ilmu berkaitan ajaran Islam dengan lebih tepat dan berkesan.

Di samping itu, berdasarkan pemerhatian pengkaji, menjadi satu kesukaran bagi golongan bermasalah penglihatan untuk mendapatkan bahan-bahan bacaan yang berkaitan solat bagi menambah ilmu mereka berkenaan tuntutan tersebut di masjid-masjid atau surau. Ini kerana, pihak masjid atau surau tidak menyediakan satu sudut khas bahan bacaan berbentuk Braille bagi golongan ini mendapatkan maklumat. Paparan iklan berkenaan program atau aktiviti yang akan dijalankan di masjid juga tidak membantu golongan ini mendapatkan info berkaitannya kerana ianya tidak Mesra OKU. Ini merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh golongan ini dalam memenuhi tuntutan solat sebagai individu Muslim. Perkara ini kadang-kadang dipandang remeh oleh segelintir masyarakat, namun ianya memberi kesan yang amat besar bagi golongan OKU cacat penglihatan ini kerana ianya boleh membawa kepada kesilapan dalam perlaksanaan solat bahkan lebih teruk boleh membawa kepada pengabaian solat disebabkan oleh kurangnya maklumat yang diperolehi.

Selain itu, golongan bermasalah penglihatan ini juga menerima maklumat secara langsung melalui pendengaran tentang apa yang disampaikan oleh seseorang kepada mereka. Penyampai maklumat memainkan peranan penting kepada golongan ini dalam mendapatkan maklumat kerana mereka bergantung sepenuhnya dengan apa yang disampaikan terutamanya di sekolah atau institusi pendidikan yang berkenaan. Menurut Lokman Tahir dan Nurul Qistin Mustafa (2008) dalam kajiannya mendapati bahawa tenaga pengajar menjadi faktor utama dalam menarik minat pelajar OKU dalam menimba sesuatu ilmu dan hanya mereka yang pakar serta mahir sahaja yang mampu memberikan pengajaran terhadap golongan ini. Tenaga pengajar bagi golongan OKU ini memerlukan latihan khas bagi melayakkan mereka untuk mengajar, tetapi tidak ramai yang berminat untuk mendalami bidang ini dan ianya merupakan faktor kekurangan tenaga pengajar di dalam bidang yang berkaitan OKU ini. Justeru itu, guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam bagi pelajar-pelajar golongan cacat penglihatan perlu mempunyai kemahiran berkaitan bidang tersebut. Ini berdasarkan kajian yang telah dibuat oleh Norakhyairee et al. (2013) serta kajian yang dibuat oleh Hajarul Bahti et al. (2010).

Halangan Sokongan Keluarga dan Masyarakat

Kebergantungan sepenuhnya golongan bermasalah penglihatan terhadap orang sekeliling menjadi salah satu faktor yang membolehkan mereka melaksanakan ibadah solat dengan sempurna. Namun, keprihatinan, sokongan dan kesedaran masyarakat hari ini terhadap golongan ini amat rendah. Mereka beranggapan bahawa golongan OKU cacat penglihatan ini adalah golongan yang tidak ditaklifkan untuk melaksanakan ibadah seperti golongan normal yang lain. Ini berpunca daripada kelemahan atau kecacatan yang terdapat pada golongan ini dan menyebabkan mereka dipandang sebagai golongan yang lemah. Justeru itu, masyarakat perlu diberi kesedaran dan didedahkan berkenaan dengan keperluan dan isu-isu yang berkaitan dengan OKU terutamanya dalam bab ibadah agar golongan ini tidak lagi dianggap lemah dan membantu mereka dalam melaksanakan tuntutan yang disyariatkan seperti solat.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi perlaksanaan solat bagi seseorang individu itu, antaranya adalah pendidikan agama. Ini dapat dibuktikan melalui kajian yang telah dijalankan oleh Napisah Humni et al. (2004) yang mendapati bahawa faktor pendidikan agama merupakan faktor yang amat mempengaruhi perlaksanaan ibadah solat fardhu bagi seseorang individu. Pendidikan agama menjadi tunjang dan paksi utama dalam kehidupan manusia pastinya bermula daripada didikan ibu dan ayah di rumah. Sekiranya didikan di rumah tidak sempurna, maka generasi yang dilahirkan akan bermasalah terutamanya yang berkaitan ibadah solat. Jika baik amalan solat sesebuah ahli keluarga, maka ianya melahirkan generasi yang berakhhlak baik dan iman yang sempurna. Oleh itu, ibu dan bapa serta keluarga cukup memainkan peranan penting dalam pendidikan agama anak-anak tidak kira anak-anak yang normal atau OKU, bahkan perhatian yang lebih hendaklah diberikan terhadap golongan OKU ini kerana mereka adalah golongan yang istimewa. Golongan ini wajar diberi sokongan dan perhatian yang lebih dalam mendidik mereka agar mereka lebih memahami dan tidak merasa tersisih daripada golongan normal.

Selain itu, rakan sebaya atau masyarakat juga memainkan peranan penting dalam membantu golongan OKU cacat penglihatan ini dalam melaksanakan ibadah solat yang telah disyariatkan kepada mereka. Masyarakat perlu lebih prihatin terhadap keperluan golongan ini agar mereka tidak merasa solat itu menjadi satu kesukaran dan bebanan kepada mereka. Menurut Hasnah Toran (t.th), golongan cacat penglihatan ini banyak bergantung kepada orang sekeliling dalam mendapatkan sesuatu maklumat dan menjalani kehidupan harian mereka. Dalam kajiannya menjelaskan bahawa golongan bermasalah penglihatan ini memerlukan kepada bantuan orang lain untuk membantu mereka membaca buku atau artikel yang mereka perlukan kerana kebanyakan bahan-bahan bacaan yang terdapat pada hari ini tidak dibaillekan. Ini membuktikan bahawa mereka memerlukan sokongan daripada masyarakat sekeliling.

Disamping itu, terdapat banyak kajian-kajian yang dijalankan terhadap tahap dan faktor pengamalan solat golongan normal mendapati bahawa keluarga, rakan dan masyarakat merupakan faktor penting bagi seseorang individu dalam memenuhi tuntutan ini. Jika golongan normal juga memerlukan sokongan dan dipengaruhi oleh orang sekeliling untuk melaksanakan solat, maka golongan kelainan upaya lebih memerlukannya lagi. Menurut Sharifah Nur (2012) dalam kajiannya, terdapat 5 faktor yang mempengaruhi individu melaksanakan solat adalah disebabkan oleh pendidikan agama, diri sendiri, ibu bapa, rakan dan masyarakat. Ini membuktikan bahawa 5 faktor ini sangat penting dalam perlaksanaan ibadah seseorang individu muslim terutamanya golongan cacat penglihatan. Mereka perlu memainkan peranan masing-masing dalam membantu golongan ini memenuhi perintah Allah s.w.t kepada mereka, bukan menjadi penghalang kepada mereka. Pengabaian terhadap perlaksanaan solat boleh berlaku sekiranya faktor-faktor ini tidak memainkan peranan sewajarnya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah atau pendekatan kuantitatif berbentuk kajian kes yang dijangka dapat memudahkan pengkaji bagi mencapai objektif serta menjawab persoalan dalam kajian ini yang bertujuan untuk melihat pengamalan solat orang kurang upaya (OKU) penglihatan di PERTIS Wilayah Terengganu.

Populasi bagi kajian ini merupakan golongan OKU yang mempunyai masalah penglihatan sama ada rabun teruk, buta atau buta pekad di Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Wilayah Terengganu yang merupakan ahli yang berdaftar dengan PERTIS sebagai ahli biasa bukan ahli bersekutu. Ahli yang berdaftar di PERTIS Wilayah Terengganu seramai 134 orang. Bagi kajian ini pengkaji menggunakan sampel bertujuan (*purposive sampling*) iaitu pemilihan individu tertentu sahaja untuk kajian ini berdasarkan ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh pengkaji melihat kepada pengetahuan pengkaji terhadap populasi yang telah dipilih (Fraenkal & Norman E. 2008).

Pengkaji telah menetapkan beberapa ciri bagi pemilihan sampel bertujuan ini iaitu responden mestilah merupakan golongan yang termasuk dalam OKU penglihatan, berdaftar sebagai ahli PERTIS Wilayah Terengganu, merupakan ahli biasa yang mengalami masalah penglihatan bukan ahli bersekutu, yang mengikuti kelas pengajian al-Quran Braille di PERTIS Wilayah Terengganu, responden yang aktif dengan aktiviti yang dijalankan oleh pihak PERTIS Wilayah Terengganu dan menetap di Terengganu. Berdasarkan ciri-ciri yang ditetapkan ini, seramai 62 orang daripada ahli PERTIS Wilayah Terengganu telah terpilih sebagai responden bagi kajian ini.

Soal selidik bagi kajian ini dibina sendiri oleh pengkaji yang diadaptasi dari borang soal selidik Hasnah Toran (2009). Borang soal selidik yang digunakan dalam kajian ini mengandungi 16 item yang terdiri daripada 6 item demografi dan 10 item halangan. Soal selidik boleh diedarkan kepada sampel dengan dua cara iaitu melalui pos atau secara berdepan terus dengan responden (Deobold 1999). Cara yang kedua, iaitu secara terus kadangkala dipanggil sebagai “jadual temu bual” sekiranya ia tidak secara langsung kepada responden tetapi diisi oleh penemubual dengan membacakan item-item yang terdapat di dalam soal selidik kepada responden (Kenneth 1984& Deobold 1999). Secara ringkasnya soal selidik tersebut bukan diisi oleh responden tetapi oleh penemubual.

Bagi kajian ini pengkaji menggunakan kaedah “jadual temu bual” kerana ia bersesuaian dengan keadaan responden kajian ini yang mempunyai kesukaran dalam membaca dan menandai borang soal selidik disebabkan oleh kekurangan dan masalah penglihatan yang dihadapi mereka. Pengkaji akan membaca item-item yang terdapat pada soal selidik kepada responden secara satu persatu dengan jelas dan akan meminta responden untuk memilih jawapan berdasarkan skala yang telah ditetapkan. Pemilihan skala itu akan ditandai oleh pengkaji berdasarkan pilihan yang dibuat oleh responden. Tempoh masa yang diambil bagi pengumpulan data melalui soal selidik bagi setiap responden bagi kajian ini sekitar 30 hingga 45 minit. Ini merupakan satu cabaran yang dihadapi oleh pengkaji kerana memerlukan satu tempoh yang agak lama bagi mengumpul data kajian ini. Dapatkan daripada kajian ini bertujuan untuk membuat kenyataan umum atau menggeneralisasikan terhadap keseluruhan populasi. Bagi mendapatkan nilai kesahan dan kebolehpercayaan item-item di dalam soal selidik ini, satu analisa telah dilakukan melalui kajian rintis untuk mendapatkan nilai Alpha Cronbach dan hasilnya menunjukkan nilai yang diperolehi adalah tinggi iaitu 0.741 dan nilai ini melebihi nilai yang ditetapkan oleh Majid Konting (2005) iaitu 0.6.

ANALISIS HALANGAN GOLONGAN OKU PENGLIHATAN DALAM MELAKSANAKAN IBADAH SOLAT

Analisis halangan yang dihadapi oleh OKU penglihatan di PERTIS Wilayah Terengganu dalam pelaksanaan ibadah solat adalah berdasarkan pilihan responden kajian bagi item-item. Soal selidik ini mengandungi 10 item soalan dengan menggunakan *skala likert* lima pilihan iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), kurang setuju (KS), setuju (S) dan sangat setuju (SS). Nilai min bagi hasil dapatan kajian bahagian ini diinterpretasikan berdasarkan nilai min yang ditetapkan oleh Alias Baba (1997). Hasil analisis dapatan bagi soal selidik ini boleh dirujuk pada Jadual 1.1 berikut:

Jadual 1.1: Taburan Min dan Sisihan Piawai bagi Halangan Pelaksanaan Solat

Bil	Item	Min	SP	Tahap
A1	Saya malas mendirikan solat	4.10	1.14	Tinggi
A2	Saya merasa malu untuk melaksanakan solat	4.76	0.59	Sangat Tinggi
A3	Saya merasa sukar melaksanakan solat kerana kekurangan diri	4.40	0.89	Sangat Tinggi
A4	Saya kurang men-dapat sokongan daripada rakan un-tuk menunaikan solat	3.73	1.27	Tinggi
A5	Saya dicemuh oleh masyarakat apabila melaksanakan solat	4.48	0.94	Sangat Tinggi
A6	Saya sukar mendapatkan maklumat tentang solat	3.39	1.63	Tinggi
A7	Saya merasa tersisih apabila menu-naikan solat di Masjid/ Surau	4.19	1.21	Tinggi
A8	Ibu dan bapa saya kurang memberi pendidikan tentang solat	4.35	1.08	Sangat Tinggi
A9	Kurangnya prasa-rana mesra OKU yang disediakan di Masjid /Surau	4.73	0.73	Sangat Tinggi
A10	Kurangnya Prog-ram atau tenaga pengajar yang boleh membantu saya untuk mendapat bimbingan tentang solat	3.81	1.35	Tinggi
MIN KESELURUHAN		4.19	0.51	Tinggi

*** SP (Sisihan Piawai)

Berdasarkan Jadual 1.1 mendapati bahawa halangan pelaksanaan ibadah solat bagi OKU penglihatan adalah berada pada tahap tinggi dengan nilai min 4.19 dan sisihan piawai 0.51. Hal ini menunjukkan kebanyakan responden mempunyai halangan dalam pelaksanaan ibadah solat ini.

Bagi item malas mendirikan solat berada pada tahap yang tinggi (min= 4.10, s.p=1.14). Seramai seorang (1.6%) responden yang sangat tidak setuju dengan kenyataan itu, 6 orang (9.7%) tidak bersetuju, 13 orang (21.0%) kurang setuju, 8 orang (9.7%) dan 34 orang responden (54.8) yang sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa majoriti OKU penglihatan di PERTIS Wilayah Terengganu mempunyai sikap malas dalam menunaikan solat dan ianya menjadi halangan bagi mereka. Hanya sebilangan kecil sahaja yang mengakui bahawa mereka rajin menunaikan solat.

Sebahagian daripada responden iaitu 52 orang (83.9%) sangat setuju dengan item merasa malu untuk melaksanakan solat disebabkan oleh kekurangan yang terdapat pada diri mereka. Seramai 5 orang (8.1%) yang setuju dan kurang setuju bagi item ini. Nilai min bagi item ini berada pada tahap

sangat tinggi ($\text{min}= 4.76$, $\text{s.p}= 0.59$). Hal ini menunjukkan bahawa sikap malu juga menjadi halangan bagi mereka dalam melaksanakan ibadah solat.

Seramai 39 orang (62.9%) yang sangat bersetuju, 12 orang (19.4%) setuju, 8 orang (12.9%) kurang setuju dan 3 orang (4.8%) yang tidak setuju dengan kenyataan “saya merasa sukar melaksanakan solat kerana kekurangan diri”. Nilai min bagi persoalan ini berada pada tahap sangat tinggi iaitu 4.40 dan sisihan piawai 0.89. Ini menjelaskan bahawa kekurangan yang terdapat pada diri OKU penglihatan di PERTIS Wilayah Terengganu menjadi satu kesukaran untuk mereka melaksanakan tuntutan ibadah solat fardhu.

Mengenai persoalan kurang mendapat sokongan daripada rakan untuk melaksanakan solat, nilai min berada pada tahap tinggi iaitu 3.37 dan sisihan piawai 1.27. Seramai 24 orang (38.7 %) responden yang sangat setuju, 12 orang (19.4 %) setuju dan 15 orang (24.2 %) yang kurang setuju. Ini menunjukkan majoriti ahli PERTIS Wilayah Terengganu tidak mendapat sokongan daripada rakan-rakan dalam membantu mereka melaksanakan ibadah solat. Namun sebahagian mereka iaitu 7 orang (11.3 %) tidak setuju dan 4 orang (6.5 %) sangat tidak setuju bahawa mereka tidak mendapat sokongan atau bantuan daripada rakan-rakan dalam memenuhi tuntutan ibadah solat.

Persoalan yang berkaitan dicemuh masyarakat apabila melaksanakan ibadah solat, majoriti responden ahli PERTIS sangat bersetuju iaitu 44 orang (71.0 %), 12 orang (19.4 %) yang setuju dan 7 orang (11.3 %) yang kurang setuju. Hanya sebilangan kecil iaitu dua orang (3.2 %) yang tidak setuju dan seorang (1.6 %) yang sangat tidak setuju. Hasil dapatan ini menunjukkan cemuhan daripada masyarakat menjadi halangan bagi golongan OKU penglihatan di PERTIS Wilayah Terengganu untuk melaksanakan solat. Nilai min bagi persoalan ini 4.48 dan sisihan piawai 0.94 dan ini menunjukkan bahawa ia berada pada tahap sangat tinggi.

Seramai 15 orang (24.2 %) yang sangat tidak setuju dan 5 orang (8.1 %) yang tidak setuju bahawa mereka sukar mendapatkan maklumat berkaitan ibadah solat. Namun majoriti responden bersetuju dengan persoalan ini iaitu seramai 24 orang (38.7 %) yang sangat setuju, 11 orang (17.7 %) yang setuju dan 7 orang (11.3%) yang kurang setuju. Nilai min bagi item ini berada pada tahap tinggi iaitu 3.39 dan sisihan piawai 1.63. Ini menunjukkan golongan OKU penglihatan di PERTIS Wilayah Terengganu menghadapi halangan dalam mengakses maklumat kerana penerimaan atau akses maklumat bagi mereka hanya terhad melalui pendengaran dan melalui pembacaan cetakan Braille terutamanya berkenaan ibadah solat dan seterusnya menjadi halangan bagi mereka untuk melaksanakan ibadah tersebut.

Persoalan mereka berasa tersisih apabila menunaikan solat di masjid atau surau mendapat nilai min yang tinggi iaitu ($\text{min}= 4.19$, $s.p= 1.21$) dan ini menunjukkan responden merasa tersisih dengan masyarakat apabila melaksanakan ibadah solat di masjid atau surau. Seramai 37 orang (59.7 %) yang sangat setuju, 11 orang (17.7 %) yang setuju dan 7 orang (11.3 %) yang kurang setuju. Namun terdapat juga sejumlah kecil yang tidak bersetuju bahawa mereka berasa tersisih apabila melaksanakan solat di masjid atau surau iaitu 3 orang (4.8 %) yang tidak setuju dan 4 orang (6.5 %) daripada responden yang sangat tidak setuju.

Seramai 40 orang (64.5%) daripada responden yang sangat setuju dengan persoalan ibu bapa kurang memberi pendidikan tentang solat. Di samping itu, 12 orang (19.4 %) yang setuju dan 5 orang (8.1 %) yang kurang setuju. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden tidak mendapat pendidikan tentang solat daripada ibu bapa mereka serta mereka tidak mendapat peluang pendidikan seperti anak normal yang lain. Namun begitu, masih terdapat segelintir ibu dan bapa yang memberi pendidikan tentang solat kepada anak-anak mereka berdasarkan hasil dapatan yang diperoleh seramai 2 orang (3.2%) yang tidak setuju dan 3 orang (4.8%) yang sangat tidak setuju dengan persoalan tersebut. Nilai min bagi persoalan ini berada pada tahap sangat tinggi iaitu $\text{min} = 4.35$ dan sisihan piawai 1.08 .

Bagi item kurangnya prasarana mesra OKU yang disediakan di Masjid atau surau, nilai min berada pada tahap yang sangat tinggi iaitu ($\text{min}= 4.73$, $s.p= 0.73$). Seramai 52 orang (83.9%) yang sangat setuju, 5 orang (8.1 %) yang setuju dan 4 orang (6.5 %) yang kurang setuju bahawa kurangnya prasarana mesra OKU yang disediakan di masjid dan hanya satu peratus sahaja yang sangat tidak setuju. Analisis ini menunjukkan majoriti daripada responden bersetuju bahawa masjid atau surau masih tidak menyediakan kemudahan dan prasarana yang sesuai serta mesra bagi membantu mereka dalam pelaksanaan ibadah solat di masjid atau surau dan ini menjadi halangan bagi mereka.

Di samping itu juga, 28 orang (45.2%) daripada responden yang sangat setuju dan 13 orang (21.0%) setuju bahawa kurangnya program atau tenaga pengajar pakar yang boleh membantu untuk mendapatkan bimbingan berkaitan solat. Analisis ini menunjukkan majoriti daripada responden bersetuju bahawa pelaksanaan program adalah kurang dan tenaga pakar yang tidak mencukupi sebagai pembimbing bagi golongan OKU penglihatan menjadi salah satu daripada halangan mereka dalam pelaksanaan ibadah solat. Namun, terdapat juga 6 orang (9.7%) yang kurang setuju, 11 orang (17.7%) yang tidak setuju dan 4 orang (6.5%) yang sangat tidak setuju dengan persoalan tersebut. Nilai min bagi item ini berada pada tahap yang tinggi ($\text{min}= 3.81$, $s.p= 1.35$).

Berdasarkan kepada analisis dalam jadual 4.9 berkenaan soalan mengenai halangan-halangan yang dihadapi oleh golongan OKU penglihatan di PERTIS Wilayah Terengganu dalam pelaksanaan ibadah solat, pengkaji mendapati majoriti responden bersetuju bahawa halangan-halangan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah halangan yang perlu dihadapi oleh mereka dalam menunaikan ibadah solat.

Selain itu, hasil dapatan daripada soalan terbuka kepada responden mendapati terdapat beberapa halangan lain yang dikemukakan daripada mereka. Antaranya ialah kurang kefahaman dan pengetahuan yang sempurna tentang solat dan pelaksanaannya dalam kalangan OKU penglihatan serta kefahaman ahli keluarga terhadap tuntutan ibadah solat bagi golongan ini juga menjadi halangan bagi mereka melaksanakan ibadah solat. Berlaku penyisihan dalam keluarga terhadap golongan ini dalam melaksanakan ibadah solat secara berjemaah disebabkan oleh kurang pengetahuan terhadap hukum solat bagi golongan ini dengan beranggapan golongan OKU penglihatan tidak wajib memenuhi tuntutan tersebut.

Di samping itu, pengabaian solat dalam kalangan ahli keluarga juga menjadi salah satu penyumbang kepada pengabaian solat bagi golongan OKU penglihatan ini. Jika manusia yang normal tidak melaksanakannya, bagaimana mampu menarik dan membimbang golongan OKU untuk melaksanakannya?. Bahkan golongan OKU akan disindir dan dilarang untuk melaksanakannya disebabkan kekurangan dan kecacatan yang dihadapi oleh mereka. Oleh yang demikian, pendedahan yang lebih mendalam perlu diberikan terlebih dahulu kepada keluarga yang mempunyai anak-anak atau ahli keluarga yang mengalami kekurangan atau OKU terutamanya yang mempunyai masalah penglihatan berkenaan ibadah solat golongan ini.

Selain itu, responden juga menyatakan bahawa berlaku kesukaran dalam mempraktikkan pergerakan solat kerana ketiadaan pengajar atau ‘*guider*’ yang boleh membantu mereka terutamanya bagi mereka yang mengalami kecacatan sejak lahir. Mereka hanya mampu mendengar dan tidak tahu mempraktikkan pergerakan tersebut sekiranya tidak diajar oleh golongan normal yang lain.

Di samping itu, pembinaan masjid atau surau yang tidak mengikut etika yang telah ditetapkan yang sesuai dan universal bagi semua pihak juga menjadi halangan bagi golongan OKU penglihatan untuk melaksanakan ibadah solat. Pembinaan masjid tanpa garisan atau penanda saf bagi penentuan arah kiblat bagi golongan OKU penglihatan menyebabkan mereka tersalah arah kiblat. Tempat wudhu’ yang berjauhan dengan ruangan solat serta ketiadaan ruang khas untuk mereka melaksanakan ibadah solat di masjid dan surau menjadi satu kesukaran bagi mereka. Selain itu, jarak yang jauh daripada tempat tinggal dan

tiada pengangkutan serta ‘*guider*’ juga menjadi halangan bagi mereka untuk melaksanakan ibadah solat di masjid terutamanya bagi golongan lelaki yang ingin menunaikan solat Jumaat. Responden juga menyatakan bahawa ruang solat di PERTIS Wilayah Terengganu juga tidak mencukupi bagi ahli PERTIS untuk melaksanakan ibadah solat secara berjemaah di situ. Hasil pemerhatian pengkaji juga mendapati ruang solat yang terdapat di PERTIS hanya mampu memuatkan sekitar 5 orang ahli sahaja dan surau tersebut tidak dapat digunakan sepenuhnya kerana surau digunakan sebagai kelas tambahan bagi ahli PERTIS Wilayah Terengganu untuk sesi pembelajaran.

Tambahan lagi, halangan lain yang dihadapi oleh responden ialah masalah kewangan untuk membeli peralatan solat, bahan bacaan dan mengupah orang untuk membantu mereka membaca buku atau menghantar mereka ke masjid dan surau. Sumber kewangan golongan OKU penglihatan ini hanya cukup untuk menampung keperluan makanan mereka. Bak kata pepatah Melayu, kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Mereka tidak mampu untuk membeli keperluan solat, bahan bacaan atau mengupah orang melainkan mendapat bantuan daripada orang lain secara sukarela.

Halangan-halangan yang dihadapi oleh golongan OKU penglihatan ini akan meninggalkan impak negatif terhadap prestasi dan pengamalan ibadah solat mereka. Maka seharusnya semua pihak mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi menangani halangan-halangan yang dihadapi oleh mereka agar mereka mampu menjalani kehidupan dan melaksanakan ibadah solat dengan sempurna sebagaimana golongan normal yang lain.

KESIMPULAN

Ibadah solat sangat penting dalam kehidupan manusia. Ianya menjadi penentu terhadap keberlangsungan hidup seseorang individu muslim sama ada berada pada landasan yang benar atau terpesong. Solat mampu membimbing manusia menjadi muslim yang sejati sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam. Hikmah pensyariatan solat ini bukan hanya diperolehi oleh golongan yang normal bahkan ianya untuk seluruh ummat manusia yang melaksanakan solat termasuklah golongan OKU penglihatan. Kecacatan yang dikurniakan oleh Allah kepada mereka ini bukan menjadi penghalang kepada mereka untuk bersama-sama dengan yang lain dalam memenuhi tuntutan yang telah diperintahkan oleh Allah. Ini kerana syurga Allah yang menjadi destinasi terakhir kehidupan kita itu bukan hanya untuk golongan normal, tetapi untuk semua yang melaksanakan perintah Allah dengan sebaiknya, tidak mengira kecacatan atau kekurangan, bahkan golongan ini mungkin mendapat tempat yang lebih tinggi di sisi Ilahi. Namun, dalam memenuhi tuntutan ibadah solat ini, golongan cacat penglihatan ini menghadapi pelbagai cabaran yang berbeza dengan orang lain. Hasil dapatan menunjukkan halangan yang dihadapi oleh

golongan OKU penglihatan di PERTIS Terengganu berada pada tahap yang tinggi dengan nilai min 4.19 dan ini menunjukkan kebanyakan responden menghadapi halangan sepertimana yang dikemukakan dalam melaksanakan ibadah solat. Hasil kajian juga mendapat terdapat halangan-halangan yang perlu dihadapi oleh golongan ini dalam melaksanakan ibadah solat antaranya halangan sikap individu OKU itu sendiri, sokongan orang sekeliling, masalah dalam mengakses maklumat serta halangan penyediaan prasarana dan kemudahan yang tidak mesra OKU. Justeru itu, semua pihak perlu mengambil inisiatif yang terbaik dalam menyelesaikan halangan yang dihadapi golongan ini agar ia tidak menjadi faktor atau penyebab berlaku pengabaian solat bagi golongan minoriti OKU penglihatan ini dan mereka mendapat hak yang sama seperti golongan tipikal yang lain tanpa sebarang diskriminasi oleh pihak-pihak tertentu.

BIBLIOGRAFI

Al-Quran al-Karim

Ab Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor Raudhah Hj Siren & Juwairiah Hassan. 2009. *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya (UM).

Abdul Hazam Mansur, Hasan Fudhailah Zakaria & Abu Anas al-Maqdisi. 2014. *Saintifik Solat*. terj, Suhendri Iriandy & Muhammad Amar Adly. Puchong, Selangor: Pustaka Ibnu Katsir Sdn. Bhd.

Abdul Munir Ismail. 2012. *Aksesibiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Masjid-masjid Daerah Tanjung Malim, Perak*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Abdul Munir Ismail. 2015. *Aksesibiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Masjid-masjid Daerah Tanjung Malim, Perak*. Jurnal Al-Hikmah 7(1) 2015: 62-78.

Abdullah Basmeith. 1980. *Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian Al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Alias Abbas. 1997. *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ariffin Mamat & Shukeri Mohamad. 2012. *Faqihan dalam Membina Generasi Solat*. Wacana Keputeraan Sultan Muhammad IV. Kota Bharu, Kelantan: Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kelantan (JAHEAIK).

Azman Ab Rahman, Zulkifli Mohamad al-Bakri & Mohammad Naqib Hamdan. 2015. *Fiqh Ibadat Orang Kelainan Upaya (OKU)*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Fraenkal, Jack R & Norman, E. Wallen. 2008. *How To design and Evaluate research Education*. New York: McGraw-Hill Higher Education.

Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Awang @ Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim. 2010. *Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan*. Prosiding kali ke-4 International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia. 8-10 November 2010.

Hasnah Toran, Mohd Hanafi Mohd Yasin, Mohd Mokhtar Tahar & Norasuzaini Sujak. 2009. *Sokongan dan Halangan yang Dihadapi Pelajar-pelajar Kurang Upaya Di Sebuah Insitusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*. ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education (AJTLHE), Vol. 3, No. 2: 18-29.

Jabatan Kebajikan Masyarakat. <http://www.jkm.gov.my>. Dilayari [15 Disember 2014].

Kenneth, D.Bailey. 1984. *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Terj. Hashim Awang (Methods of Social Research 1978: The Free Press, New York). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lokman Tahir & Nurul Qistin Mustafa. 2008. *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Keberkesanan Pendidikan Khas Teknik dan Vokasional untuk Golongan Orang Kurang Upaya di Tiga Buah Politeknik*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Mahyuddin Hashim, Adnan Mohamed Yusoff, Norakyaree Mohd Raus, Mohd. Nur Adzam Rasdi & Noornajihan Jaafar. 2013. *Laporan Penyelidikan: Buku Iqra' Versi Braille*. Bandar Baru Nilai: Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Miftah Faridi. 2014. *Indahnya Ibadah Muslim Kosmopolitan: Kaedah Beribadah dalam Kesulitan, Kesibukan dan Kesempitan Kehidupan di Bandaraya*. Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

- Mohammad Subki ¢ Abd al-Rahman al-Hafiz, Muhammad Iyadh Toto Anshari, Marina Mohd Nor & Rabiatul Adawiah Saadon. 2014. *Panduan Solat Pesakit dan OKU*. Shah Alam: PSN Publications Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Salleh Aman. 2006. *Pembangunan Kemudahan Fizikal Pelajar OKU (Orang Kelainan Upaya) di Kolej Za'ba, Universiti Malaya (UM)*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM).
- Mohd Shah Che Ahmad. 2013. *Masjid Mesra OKU*. Utusan Harian: Arkib 16 Mei 2013.
ww1.utusan.com.my/utusan/Bicara_Agama/20130516/ba_02/Masjid-mesra-OKU.
- Mustaffa Abdullah. 2010. *Pengajian al-Quran dalam Kalangan Warga Cacat Penglihatan di Malaysia*. Al-Bayan Journal of Quran and Hadith Studies. Vol. 8: 21-34. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya (UM).
- Napisah Humni, Salehudin Sabar, Mahadi Khalid & Mohamed Razi Mohd. Suradi. 2004. *Perlaksanaan Ibadah Solat Fardhu Di Kalangan Guru Pelatih Islam Maktab Perguruan Batu Lintang*. Jurnal Penyelidikan MPBL, Jil. 5: 103-116.
- Norakhyairee Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri. 2011. *Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa*. Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa. IAIN ar-Raniry: Bandar Aceh, Aceh.
- Norakhyairee Mohd Raus, Mohd Nur Adzam Rasdi, Norazman Alias, Norhasnira Ibrahim, Norullisza Khosim, Noornajihan Jaafar, Ab. Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh & Hajarul Bahti Zakaria. 2013. *Pengajaran al-Quran Braille: Isu dan Cabaran Semasa*. International Journal on Quranic Research (IJQR) Vol.3, No.4: 79-94, June 2013.
- Norshidah Mohamad Salleh. 2013. *Profil Kemahiran Sosial Murid Berkeperluan Khas Penglihatan dan Murid Tipika: Satu Kajian Deskriptif*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Halangan Pelaksanaan Solat Fardhu Dalam Kalangan Orang Kelainan Upaya (OKU) Penglihatan Di Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) Wilayah Terengganu
Nurul Asmak Liana Bakar, Hamid Ishak & Tengku Intan Zarina Tengku Puji

Siti Fatimah Abd Rahman. 2013. *Orang Kurang Upaya (OKU) dari Perspektif Islam.* <http://www.ikim.gov.my/index.php/ms/artikel/7111-orang-kurang-upaya-oku-dari-perspektif-islam> [29 November 2014].

Shalini a/p Sanmargaraja & Seow Ta Wee. 2014. *Kajian Penyediaan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU) di Institusi Kerajaan di Nusajaya, Johor Bahru.* Johor: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Sharifah Nur Abu. 2012. *Pengamalan Solat Fardhu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak.* Kuching: Politeknik Kuching Sarawak.

Shukeri Mohamad, Mohamad Azrien Mohamad Adnan & Syed Abdurrahman Syed Hussin. t.t. *Masjid Sebagai Pusat Pendidikan Berterusan Bagi Kanak-kanak dan Remaja: Satu Cabaran.* Kota Bharu, Kelantan: Nilam Puri, Universiti Malaya (UM)